

Buang bayi belakang apartmen

ms-37

Pemandu Uber terkejut dengar tangisan budak di bawah pokok

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

SUBANG JAYA - Seorang pemandu Uber terkejut menemui bayi lelaki lengkap berpakaian ditinggalkan di belakang sebuah apartmen di Jalan Kemajuan SS16, di sini, lewat malam kelmarin.

Turut ditemui bersama mangsa, bungkusan plastik putih mengandungi lampin pakai buang, mandian bayi, susu dan botol susu.

Bagaimanapun tiada sebarang dokumen ditinggalkan bersama mangsa.

Dalam kejadian kira-kira jam 11.47 malam itu, pemandu tersebut dikatakan baru selesai menghantar penumpangnya di lobi apartmen berkenaan.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Mohammad Azlin Sadari berkata, pemandu Uber tersebut

yang kebetulan melalui belakang kawasan apartmen terdengar tangisan bayi ketika membuka tingkap kenderaannya.

Curiga dengan keadaan itu, pemandu berkenaan katanya turun dari kenderaan dan menemui bayi lengkap berpakaian di bawah pokok.

"Bayi itu menangis dan bergerak-gerak, terdapat sebungkus plastik di sampingnya.

"Pemandu tersebut terus menghubungi polis, sebelum sepasukan anggota bergegas ke lokasi kejadian," katanya.

Mohammad Azlin berkata, hasil pemeriksaan mendapati bayi lelaki lengkap berpakaian dan berbalut dengan kain masih bernyawa serta dalam keadaan baik.

Katanya, siasatan awal mendapati bayi itu baharu ber-

usia kira-kira dua minggu.

"Pemeriksaan lanjut mendapati bayi seberat 2.85 kilogram itu mengalami kembung perut dan tali pusat sudah tertanggal.

"Terdapat sedikit lebam atas tangan sebelah kiri, namun tidak pasti sama ada cedera atau tanda lahir," katanya.

Beliau berkata, tiada kecederaan di bahagian anggota badan yang lain dan mangsa dimasukkan ke wad untuk pemeriksaan lanjut.

Menurutnya, ketika pemeriksaan dilakukan mendapati kain berwarna hijau membaluti bayi itu tertulis Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

"Ia disahkan milik PPUM dan terdapat kemungkinan bayi itu dilahirkan di pusat perubatan tersebut.

"PPUM akan mengesan



sekiranya terdapat rekod bayi tersebut di situ," katanya.

Mohammad Azlin berkata, siasatan masih diteruskan di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat diminta menghubungi balai polis berhampiran.

Bayi lelaki yang ditemui di bawah pokok belakang sebuah apartmen di Jalan Kemajuan SS16, kelmarin.